

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
 AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 4

Rangkuman Ekonomi Madani

Bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah.

RM200 kepada pesara kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pinangan terbitan, pesara KWSP, pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.

Bantuan ini memberi manfaat kepada 1.3 juta penjawat awam termasuk lantikan kontrak serta lebih sejuta pesara.

Kredit e-tunai sebanyak RM100 kepada semua rakyat dewasa Malaysia yang berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah.

Bilangan penerima yang layak dianggarkan melebihi 10 juta rakyat iaitu merangkumi golongan B40 dan M40 dengan dana sekitar RM1 bilion.

Menyediakan RM800 juta tambahan bagi penyelesaian jangka pendek mengenai bekalan air di Sabah dan Kelantan.

Menyegerakan pelaksanaan projek teban banjir di Kelantan, Pahang, Selangor dan Johor demi melindungi rakyat daripada banjir.

Perbaikan biasiswa dan pendidikan sekolah berasrama penuh akan mengutamakan golongan berpendapatan rendah.

Menyediakan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita di alam pekerjaan.

Kerajaan juga akan memudah cara proses pendaftaran dan memperluas program pemutihan teska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara dengan peruntukan RM10 juta.

Meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita untuk mencocoh 60 peratus supaya lebih setanding dengan ekonomi serantau.

Memperluas liputan perlindungan KWSP dan PERKESO ke atas populasi umur bekerja secara berperingkat mengikut fasa.


Penambahbaikan bagi memastikan tahap simpanan persaraan yang mencukupi untuk menampung kehidupan rakyat Malaysia yang akan menempuh alam persaraan.

PERKESO menyediakan peruntukan sebanyak RM42 juta bagi Program Bina Kerjaya iaitu program peningkatan kemahiran (upskilling) untuk pekerja tidak format, termasuk pekerja gig dengan kelayakan SPM dan ke bawah.


RANGKUMAN

EKONOMI MADANI

Memperkasakan Rakyat



Pelbagai program bantuan tunai dan program Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik untuk memastikan jaringan keselamatan sosial terus ditingkatkan.



Kerajaan akan terus mengukuhkan sistem insurans pekerjaan serta program latihan semula bagi menyediakan penganggur dengan pekerjaan.

Pembinaan Pusat Kawalan Penyakit Negara dengan nilai kos projek RM305 juta di Negeri Sembilan yang berperanan sebagai kemudahan mempersiapkan negara dalam menghadapi sebarang kemungkinan pandemik pada masa akan datang.

Menambah balik skdm pinjaman di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan menyediakan jaminan pembiayaan sehingga 120 peratus dari harga rumah bernilai sehingga RM300,000.

Jaminan 120 peratus akan membolehkan semua kos kos pemilikan rumah ditampung melalui pinjaman termasuk jumlah pembiayaan pokok, yuran guaman, yuran penilaian dan insurans serta pembalasan perabut dan kos ubahsuai dengan jaminan kerajaan sehingga RM5 bilion.

Memperkenalkan insentif cukai berasaskan pencapaian bagi mendukung dan memberi ganjaran kepada syarikat yang menumpukan aktiviti berdampak tinggi.

Misi baharu perindustrian di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) akan menumpukan aktiviti dengan nilai tambah tinggi atau kecanggihan ekonomi.

RM100 juta disediakan bagi usaha melengkapkan infrastruktur kawasan perindustrian terutamanya prasarana berkonsepkan hijau.

Kerajaan bersama dengan GLIC akan melabur RM1 bilion dana tambahan secara padanan dengan dana swasta bagi menyokong syarikat pemula tempatan dan mendorong technopreneur.

Peruntukan tambahan RM100 juta bagi pengertarikan ekosistem R&D, C&I (penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi) dengan tumpuan kepada keperluan industri, tenaga boleh baharu, keterjaminan makanan serta aktiviti perubatan baharu.

Geran padanan digitalisasi akan ditambah RM100 juta bagi membantu PMKS menyegerakan peralihan model perniagaan kepada lebih digital.

MIFC MALAYSIA INTERNATIONAL ISLAMIC FINANCIAL CENTRE

BNM dan Suruhanjaya Sekuriti yang merangka arus Halalan Tayyiban melalui Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) dengan kerjasama industri dan ekosistem kewangan Islam termasuk lembaga zakat & wakaf, sistem perbankan & pasaran saham Islam & sukuk.

Memberi tumpuan kepada menambah keluasan tanaman tetapi mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah peladangan sedia ada bagi menambah baik Tahap Sara Diri (SSD) dan meningkatkan keterjaminan makanan.

Meningkatkan daya tahan sektor agromakanan melalui aplikasi teknologi pertanian bagi meningkatkan produktiviti untuk manfaat petani kecil menerusi pertanian regeneratif, tanaman berdaya tahan iklim serta penggunaan teknologi AI.

Menambah balik infrastruktur pengaliran kawasan MADA di Kedah & Perlis bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi kepada 5 musim dalam tempoh 2 tahun melibatkan prasarana bernilai RM3 bilion.

RM200 juta disediakan di bawah Agrobank untuk membantu menyediakan kemudahan pembiayaan khususnya aplikasi teknologi moden untuk pertanian.

Kajian semula tahap gaji minimum serta memperkenalkan undang-undang yang menjamin persikatan kerja yang selamat dan selesa.

Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi model gaji progresif ke arah kenaikan pendapatan yang lebih terangkum.

Pelaksanaan levi pekerja asing berperingkat (tiered foreign worker levies), iaitu sebahagian peningkatan hasil levi akan dikhususkan untuk program automasi serta latihan untuk pekerja tempatan bagi kurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Kerajaan akan menambah lagi peruntukan RM400 juta untuk pinjaman mikro di bawah agensi termasuk SME Corp, Tekun, Mera dan Teraju.

Pelaksanaan dasar perindustrian mengikut geografi iaitu pengkhususan aktiviti dan pelaburan mengikut wilayah supaya sejajar dengan kelebihan serta tahap pembangunan setiap wilayah.